



16 OCT, 2025

TNB majukan grid kuasa ASEAN

Sinar Harian, Malaysia



KORPORAT

TNB majukan grid kuasa ASEAN

KUALA LUMPUR - Tenaga Nasional Bhd (TNB) di bawah inisiatif grid kuasa ASEAN (APG) sedang mengukuhkan saling sambung rentas sempadan untuk memastikan bekalan elektrik mesra alam dapat dibekalkan ke seluruh rantau ini.

Terdapat sekurang-kurangnya lima projek dalam saluran sedia ada yang melibatkan kapasiti gabungan melebihi 6,000mW tenaga boleh baharu yang akan dihantar melalui Malaysia.

Salah satu inisiatif terpenting ialah projek saling sambung Vietnam-Malaysia-Singapura, melibatkan pembangunan tenaga boleh baharu di Vietnam serta penghantaran ke Semenanjung Malaysia dan Singapura. Kerjasama ini membabitkan TNB, Petronas, Sembcorp dan Petrovietnam dalam menyokong grid kuasa ASEAN.

Di samping itu, TNB berada di peringkat akhir bagi membentuk konsortium untuk membangunkan saling sambung Sarawak-Semenanjung Malaysia, membolehkan penghantaran tenaga hidroelektrik boleh baharu secara besar-besaran dari Timur ke Malaysia Barat.

Ketua Pegawai Grid TNB, Hasmarizal Hassan berkata, kajian prakelayakan untuk projek sepanjang 700 kilometer itu, menghubungkan Sampadi berhampiran Kuching ke Sedenak di Johor, siap pada awal tahun ini, membuka jalan bagi pembentukan konsortium yang melibatkan rakan kongsi tempatan dan antarabangsa.

“Kami telah menyelesaikan kajian prakelayakan kami pada awal tahun ini dan kini sedang memuktamadkan rakan kongsi konsortium yang berpotensi. Ini akan menjadi usaha utama, yang mana, kami menyasarkan majoriti penyertaan daripada ekuiti tempatan, dengan baki saham akan dibuka kepada pemain antarabangsa,” katanya ketika menyampaikan ucap tama bertajuk ‘Dari Saling Sambung kepada Integrasi : Membangunkan Grid Siap Sedia Yang Boleh Baharu ASEAN’ di Forum Perniagaan Tenaga ASEAN 2025 di sini pada Rabu.

Di bawah Memorandum Persefahaman (MoU) yang ditandatangani pada tahun 2023, TNB dan Singapore Power bersetuju untuk meneroka projek saling sambung antara Semenanjung Malaysia serta Singapura.

Kajian prakelayakan telah selesai, dengan projek tersebut menyasarkan kapasiti tidak kurang daripada 1,000MW dan beberapa opsi titik sambungan sedang ditentukan di antara kedua-dua negara. - *Bernama*